

# Memastikan proses pilihan raya

## SPR sedia pinda akta jamin keselamatan kempen, pem

Oleh Kamal Ahmad  
mohdkamal@bharian.com.my

**"T**AHAP keganasan ketika kempen pilihan raya di Malaysia kian meningkat apabila ada senjata tajam seperti pedang samurai mula digunakan dalam pergaduhan. Kalau tidak ditangani, mungkin selepas ini ada pihak membawa senjata api atau bahan letupan dalam kempen sehingga menyebabkan kecederaan serius atau kematian. Ketika itu, tentunya keadaan akan menjadi ibarat nasi sudah menjadi bubur". Demikian luahan kebimbangan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Aziz Yusof, yang disusuli tindakan menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Undang-Undang Mengenai Pilihan Raya.

Beliau melalui pengalaman langsung dalam lapan pilihan raya kecil bermula di Kuala Terengganu dan terakhir setakat ini di Bagan Pinang. Antaranya, penyokong parti tertentu menunjukkan duit kertas sambil menyatakan beliau dan SPR makan rasuah serta mengikut telunjuk kerajaan. Beliau turut mendengar sendiri maki hamun, fitnah dan cacian serta menyaksikan perbalahan kumpulan penyokong parti bertanding.

Abdul Aziz menyifatkan cara dan keadaan kempen di Malaysia menakutkan, ganas, menekan pengundi serta berpotensi menjadi lebih buruk jika undang-undang berkaitan tidak diperketatkan. Sebaliknya, laporan pegawai SPR yang memerhati pilihan raya di luar negara termasuk Indonesia, Taiwan, Uzbekistan dan Thailand mendapati proses kempen serta mengundi di sana berlangsung aman, selesa dan tiada kesesakan kenderaan, mahupun asakan penyokong parti.

Justeru, jawatankuasa yang beliau tubuhkan mula berbincang dan mengkaji Perlembagaan Persekutuan selain Perlembagaan Negeri, dua akta dan tiga peraturan berkaitan pilihan raya untuk dipinda. Ia diketuai Ahli SPR, Datuk Dr P Manogran; dan Penasihat Undang-Undang serta beberapa pegawai kanan SPR.

Akta berkaitan pilihan raya ialah Akta Pilihan Raya, 1958 (Akta 19) serta Akta Kesalahan Pilihan Raya, 1954 (Akta 5) selain Peraturan-Peraturan (Perjalanan Pilihan Raya) Pilihan Raya, 1981; Peraturan-Peraturan (Pendaftar Pemilih) Pilihan Raya, 2002; dan Peraturan-Peraturan (Mengundi Melalui Pos), 2003.

Antara cadangan pindaan kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 untuk mewujudkan suasana lebih aman dan terkawal ketika pilihan raya ialah:

- Jarak zon larangan 50 meter dikaji semula untuk diambil tindakan atau akan dijarakkan lagi dari pusat mengundi;




CARA dan keadaan kempen di Malaysia boleh menjadi lebih

- Tidak boleh sebarang kempen pada hari pengundian;
  - Tempoh bertenang selama 48 jam sebelum hari pengundian;
  - Pembinaan 'pondok panas' oleh parti politik dengan pusat mengundi dan juga pejabat parti tidak boleh digunakan pada hari mengundi;
  - Masa penamaan calon dilanjutkan;
  - Menyusun semula proses mengundi secara pos; dan
  - Mempertingkatkan penguatkuasaan kepada undang-undang dan peraturan sedia ada.
- Abdul Aziz berkata: "Saya dapati perangai, kerenah, akhlak atau tingkah laku penyokong parti yang bertanding sudah jauh berbeza dengan keadaan dulu yang berlangsung secara meriah dan aman.
- "Jadi, kalau orang luar (negara) melihat keadaan kita ketika hari mengundi, saya rasa malu sebab negara lain tidak begitu. Di negara lain pada hari membuang undi aman damai. Tiada parti politik dan penyokong parti membuat kempen. Di Malaysia, kerajaan berbelanja begitu besar untuk menjaga ke-

# ...ya berjalan lancar

M/S 18

## buangan undi demi tegak demokrasi



h buruk jika undang-undang berkaitan tidak diperketatkan.

selesaian, ketenteraman dan keselamatan awam khususnya pengundi”.

Berdasarkan aliran sekarang, jumlah penyokong hadir mengiringi calon ketika penamaan di Pejabat Daerah atau Pejabat Majlis Daerah diambil kira untuk menyukat kekuatan dan sokongan sesebuah parti. Parti bertanding turut mengerahkan seramai mungkin penyokong tempatan dan ‘sukarelawan’ dari seluruh negara datang berkampung di lokasi terutama ketika pilihan raya kecil. Pertembungan dua kelompok berbeza pada satu masa dalam kawasan lazimnya diiringi jerit, provokasi, kekasaran dan berakhir dengan pergaduhan.

“Jawatankuasa pengkaji SPR sudah lama membincangkan perkara ini sambil menimba pengalaman negara lain yang tiada masalah (sebaliknya) aman damai tidak seperti kita. Itu yang saya malu kalau orang lain lihat - berkelahi, bercakap perkataan yang sepatutnya tidak dikeluarkan, mencaci, memaki, menyebut perkara bukan-bukan, tidak tunjuk hormat kepada pemimpin, cakap sesuka hati bukan saja dengan perkataan, malah bahasa isyarat. Muka macam

orang dirasuk hantu,” kata Abdul Aziz.

Beliau mengharapkan tempoh bertenang lebih panjang membolehkan pengundi menunaikan tanggungjawab tanpa tekanan perayu undi, tiada kesesakan jalan raya dan suasana menuju ke pusat pembuangan undi yang lebih aman. Tempoh bertenang juga digunakan pihak berkuasa tempatan dan petugas parti menurunkan poster dan sepanduk serta memberihkan semua bentuk bahan kempen.

Selama ini, kewujudan pondok panas atau ‘barung’ mengganggu kelancaran proses pengundi kerana kehadiran perayu undi yang ‘menunjuk ajar’ di mana pusat atau saluran pengundi sedangkan SPR menyediakan semua kemudahan untuk pemilih membuat semakan. Perayu undi turut menunjukkan parti yang patut dipilih menggunakan suara, bahasa isyarat, simbol dan gambar sebagai kaedah terakhir berkempen.

“Jadi, kita harap dengan adanya tempoh bertenang ini, tidak adalah penyokong parti yang mengganggu lagi pada hari mengundi. Pemilih pula tidak ada perasaan takut dan cuita, tiada kesesakan lalu lintas



*Parti memerintah akan mempertahankan*

*seberapa daya yang boleh supaya partinya menang dalam pilihan raya berkenaan dan terus memerintah. Parti pembangkang pula akan pastikan mereka akan menang. Jadi dalam pertembungan semangat seperti ini mungkin berlaku ketegangan. Cuma kita harap mereka ini sedar bahawa kita tidak ada kebebasan mutlak. Kita ada undang-undang yang perlu dipatuhi”*

serta diganggu. Sebaliknya, keadaan jalan lapang dan tenang.

“Saya hendak suasana seperti itu. Jadi, sebab itu kita hendak mengadakan tempoh bertenang. Mengenai tempohnya dan sebagainya, kita akan bincang dengan teliti bersama panel dan polis supaya dapat memastikan bahawa keputusan yang akan dibuat benar-benar memberi manfaat kepada rakyat,” katanya.

Ditanya bila perkara itu boleh dikuatkuasakan Abdul Aziz berkata: “Sasaran saya pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13. Jadi, semua ini perlu diteliti supaya tujuan SPR ialah keadaan pada hari mengundi lebih tenteram dan pengundi keluar tanpa takut curiga, gangguan dan tiada kesesakan lali lintas. Itu harapan kita dan jika untuk mencapai harapan itu memerlukan pindaan maka kita akan lakukan.”

Mengenai usaha mengekang kempen yang tidak sihat, katanya, Pasukan Penguat Kuasa Pilihan Raya terdiri daripada pegawai SPR, polis, PBT dan wakil-calon akan memantau. Abdul Aziz turut membayangkan PRU ke-13 mungkin ia lebih sengit berbanding PRU ke-12, tetapi tidak sesengit pilihan raya kecil kerana kerana tumpuan penyokong dan pemimpin sudah berpecah ke seluruh negara.

“Parti memerintah akan mempertahankan seberapa daya yang boleh supaya partinya menang dalam pilihan raya berkenaan dan terus memerintah. Parti pembangkang pula akan pastikan mereka akan menang. Jadi dalam pertembungan semangat seperti ini mungkin berlaku ketegangan. Cuma kita harap mereka ini sedar bahawa kita tidak ada kebebasan mutlak. Kita ada undang-undang yang perlu dipatuhi,” katanya.